



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Jumaat, Mac 25, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM's NAHWAN NUR UPM emerges state-level Nasyid champion



Oleh: Adidi Tamin

SHAH ALAM, 19 Mac – Kelab Nasyid Nahwan Nur di bawah naungan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara Festival Nasyid Peringkat Negeri Selangor 2016.

Lagu yang bertajuk "*Dunia Si Kecil*" ciptaan Wan Salehuddin Wan Hassan dan lirik oleh Muhammad Radzi Mohd Dul dinobatkan juara dan membawa pulang wang tunai RM3000, sijil dan plak.



Presiden Kelab Nasyid Nahwan Nur, Mohammad Aizat Luffi Jailani berkata Nahwan Nur pernah memenangi pertandingan tersebut pada tahun 2010.

"Dengan kemenangan ini, Nahwan Nur akan mewakili Negeri Selangor ke Festival Nasyid Kebangsaan pada bulan Mei ini. Kami berharap dapat membuat persembahan terbaik semasa pertandingan di peringkat kebangsaan kelak," katanya.

Festival Nasyid Selangor 2016 dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Senyagak 17 kumpulan bersaing di peringkat saringan dan 10 kumpulan pada peringkat akhir yang diadakan di SACC Mall, Shah Alam. - UPM

